



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI
BILANGAN 8/2021

Penyerapan Perkhidmatan ‘*Open Vote*’ Dan Lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari Ke Perkhidmatan Tetap

| Taklimat pada 27 - 28hb Julai 2021 |



Taklimat

SK JPM 8/2021

PENDAHULUAN

Rasional

- Bagi memperkemas (*streamlining*) jenis-jenis perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam.
- Menilai kesesuaian kakitangan di dalam Perkhidmatan ‘*Open Vote*’ dan Bergaji Hari untuk dilantik ke dalam Perkhidmatan Tetap dan menerima segala kemudahan yang diterima oleh kakitangan di dalam Perkhidmatan Tetap.
- Menjaga dan memelihara kesejahteraan dan kebajikan kakitangan di dalam Perkhidmatan ‘*Open Vote*’ dan Bergaji Hari dalam Perkhidmatan Awam.

PERKHIDMATAN '*OPEN VOTE*' DALAM BAHAGIAN IV DAN V

- Semua kakitangan dalam perkhidmatan '*Open Vote*' akan diserapkan ke perkhidmatan Tetap di dalam jawatan dan bahagian yang sama.
- Kakitangan yang dimaksudkan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Dengan adanya penyerapan ini, perkhidmatan '*Open Vote*' adalah dengan ini ditiadakan.

PERKHIDMATAN BERGAJI HARI DALAM BAHAGIAN IV DAN V

- Kakitangan dalam perkhidmatan Bergaji Hari akan dilantik ke **perkhidmatan Tetap** di dalam jawatan dan bahagian yang sama tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - i. Hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - ii. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam perkhidmatan bergaji hari.
 - iii. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi tiga (3) tahun berturut-turut sekurang-kurangnya di tahap 'Baik' (Gred C) dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan.
 - iv. Lulus tapisan keselamatan.
 - v. Hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan (*medical checkup*) serta mendapatkan Sijil Pengakuan Kesihatan dari Doktor Kerajaan.

- Pengambilan baru kakitangan di dalam perkhidmatan Bergaji Hari adalah ditiadakan.

GARISPANDUAN

PENYERAPAN PERKHIDMATAN '*OPEN VOTE*' KE
PERKHIDMATAN TETAP

**Dasar
Pengambilan**

- i. Diserapkan secara berperingkat-peringkat ke dalam Perkhidmatan Tetap.
- ii. Peruntukan dipindah dari tajuk berulang-ulang kepada tajuk 'Gaji Kakitangan (*Established Post*)'.
- iii. Penyerapan jawatan dilaksanakan berdasarkan kepada bidang tugas jawatan yang dipegang pada masa ini, disamping masih menerima gaji yang sama dan penyerapan ini bukanlah berbentuk kenaikan pangkat.
- iv. Penyelarasan gelaran jawatan bagi proses penyerapan ini adalah mengikut gelaran jawatan sepertimana menurut Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan 9/2012.

**Dasar
Pengambilan**

- v. Mana-mana gelaran jawatan di dalam perkhidmatan 'Open Vote' yang belum diselaraskan menurut Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan 9/2012 akan diselaraskan semasa proses penyerapan ke dalam perkhidmatan Tetap.
- Sebagai contoh:*
- Jawatan Jobbing Clerk 'Open Vote' diselaraskan kepada jawatan Pekerja Tingkat II (Perkhidmatan Tetap).*
- vi. Mana-mana kakitangan di dalam Perkhidmatan 'Open Vote' yang diserapkan ke Perkhidmatan Tetap yang naik pangkat atau bersara, maka jawatan yang dipegangnya sebelum ini dengan sendirinya akan ditiadakan dan bukan dikira sebagai kekosongan jawatan.

**Tarikh
Penyerapan dan
Tempoh
Perkhidmatan**

i. Tarikh penyerapan:

Tarikh penyerapan ke dalam Perkhidmatan Tetap adalah pada tarikh kuatkuasa dasar baru.

ii. Tempoh perkhidmatan:

Tempoh perkhidmatan adalah bersambung dan faedah-faedah perkhidmatan yang diterima semasa di dalam perkhidmatan '*Open Vote*' seperti Elaun Cuti tidak akan terjejas.

**Tempoh
Percubaan**

Kakitangan di dalam Perkhidmatan '*Open Vote*' yang diserapkan ke Perkhidmatan Tetap **tidak perlu menjalani tempoh percubaan.**

PERKARA

'*OPEN VOTE*'

Proses Penyerapan

Kementerian/ Jabatan hendaklah menghadapkan sokongan bagi proses penyerapan dan kebenaran ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui Jabatan Perkhidmatan Awam.

Faedah-Faedah Perkhidmatan

Kakitangan di dalam Perkhidmatan '*Open Vote*' yang diserapkan ke Perkhidmatan Tetap akan menerima faedah-faedah perkhidmatan yang sama dengan yang dihulurkan kepada pegawai dan kakitangan di dalam Perkhidmatan Tetap.

PERKARA***'OPEN VOTE'*****Skim Perkhidmatan**

Kakitangan di dalam Perkhidmatan '*Open Vote*' yang diserapkan ke Perkhidmatan Tetap adalah tertakluk kepada keperluan dan persyaratan dalam Skim Perkhidmatan.

**Pemeriksaan Kesihatan
(*Medical Checkup*)**

Kakitangan di dalam perkhidmatan '*Open Vote*' yang diserapkan ke Perkhidmatan Tetap tidak dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan kesihatan (*medical checkup*).

PERKARA

'OPEN VOTE'

Lain-lain Hal

Bagi kakitangan yang menerima pencen perkhidmatan seperti pesara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan sebagainya, akan diserapkan ke dalam perkhidmatan yang lazimnya ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tertakluk kepada peraturan dan persyaratan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

GARISPANDUAN

LANTIKAN PERKHIDMATAN **BERGAJI HARI** KE
PERKHIDMATAN TETAP

- i. Penyerapan ke dalam Perkhidmatan Tetap ini adalah bagi kakitangan di dalam perkhidmatan Bergaji Hari seperti berikut:
 - a. Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
 - b. Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam perkhidmatan Bergaji Hari selama **tidak kurang dari 5 tahun**; dan
 - c. Belum mencapai umur 60 tahun (umur persaraan mandatori bagi kakitangan dalam Perkhidmatan tetap) pada tarikh kuatkuasa dasar baru.

**Dasar
Pengambilan**

**Dasar
Pengambilan**

- ii. Bagi kakitangan dalam Perkhidmatan Bergaji Hari yang belum mencapai tempoh 5 tahun perkhidmatan, akan diserapkan **setelah mencapai tempoh perkhidmatan 5 tahun** tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- iii. Bagi penyerapan ke dalam Perkhidmatan Tetap ini, kakitangan dalam Perkhidmatan Bergaji Hari mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi tiga (3) tahun berturut-turut sekurang-kurangnya di tahap 'Baik' (Gred C) dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan.
- iv. Kakitangan dalam Perkhidmatan Bergaji Hari akan terlebih dahulu melalui tapisan keselamatan dan dinilai menurut syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

PERKARA

BERGAJI HARI

Tarikh Penyerapan/ Lantikan dan Tempoh Perkhidmatan

i. Tarikh lantikan:

Tarikh lantikan ke dalam Perkhidmatan Tetap adalah bermula setelah melapor diri dalam Perkhidmatan Tetap.

Tarikh lantikan adalah sama ada dari tarikh laporan pemeriksaan kesihatan ataupun laporan lulus tapisan keselamatan, mana-mana tarikh yang terkini.

ii. Tempoh perkhidmatan:

Perkhidmatan Tetap akan dikira dari tarikh melapor diri.

Tempoh Percubaan

Kakitangan dalam perkhidmatan Bergaji Hari yang dilantik ke Perkhidmatan Tetap akan menjalani tempoh percubaan seperti berikut:

i. Bahagian IV = 3 tahun; dan

ii. Bahagian V = 1 tahun.

PERKARA

BERGAJI HARI

Proses Lantikan

Kementerian/ Jabatan hendaklah menghadapkan permohonan bagi proses lantikan dan kebenaran ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui Jabatan Perkhidmatan Awam.

Faedah-Faedah Perkhidmatan

Kakitangan di dalam Perkhidmatan Bergaji Hari yang dilantik ke Perkhidmatan Tetap akan menerima faedah-faedah perkhidmatan yang sama dengan yang dihulurkan kepada pegawai dan kakitangan di dalam Perkhidmatan Tetap, dan ianya tidak akan diberikan secara kebelakangan.

PERKARA

BERGAJI HARI

Skim Perkhidmatan

Kakitangan di dalam Perkhidmatan Bergaji Hari yang dilantik ke Perkhidmatan Tetap adalah tertakluk kepada keperluan dan persyaratan dalam Skim Perkhidmatan.

Pemeriksaan Kesihatan (*Medical Checkup*)

Bagi kakitangan di dalam Perkhidmatan Bergaji Hari yang berkelayakan, dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan (*medical checkup*) serta mendapatkan Sijil Pengakuan Kesihatan dari Doktor Kerajaan sebelum melapor diri bagi dilantik ke Perkhidmatan Tetap.

PERKARA

BERGAJI HARI

Lain-lain Hal

Bagi kakitangan yang menerima pencen perkhidmatan seperti pesara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan sebagainya, akan diserapkan ke dalam perkhidmatan yang lazimnya ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tertakluk kepada peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TARIKH PERLAKSANAAN

- Penyerapan kakitangan dalam Perkhidmatan '*Open Vote*' dan Perkhidmatan Gaji Hari ke Perkhidmatan Tetap akan **dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai pada 1hb. Oktober 2021.**

ALIRAN PROSES KERJA

| 'OPEN VOTE' |

Open Vote

Aliran Proses Kerja Bagi Perkhidmatan 'Open Vote'



Open Vote

Aliran Proses Kerja Bagi Perkhidmatan 'Open Vote'



Open Vote

1

Proses Penyerapan

Jabatan Perkhidmatan Awam akan menghadapkan ke Kementerian/ Jabatan senarai nama kakitangan yang terlibat bagi pengesahan dan pengemaskinian

2

Waran Perjawatan

Kementerian/ Jabatan perlu mendapatkan waran perjawatan daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MoFE) terlebih dahulu bagi permohonan pindah peruntukan dari Peruntukan B00100 - Open Vote dan Gaji Hari di bawah peruntukan Perbelanjaan Berulang-Ulang ke peruntukan G - Gaji Kakitangan

Open Vote

Aliran Proses Kerja Bagi Perkhidmatan 'Open Vote'

3

Permohonan & Kebenaran Penyerapan

Setelah mendapatkan waran perjawatan daripada MoFE, pihak Kementerian/ Jabatan bolehlah menghadapkan permohonan penyerapan dan kebenaran ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

4

Permohonan Dihadapkan ke SPA


Permohonan akan dihadapkan ke SPA melalui JPA tertakluk maklumat adalah lengkap dan teratur dan SPA akan menyebarkan sokongan penyerapan seperti lazimnya

Open Vote

Aliran Proses Kerja Bagi Perkhidmatan 'Open Vote'

5 Keputusan Permohonan

Keputusan permohonan akan disampaikan oleh pihak SPA ke Kementerian/ Jabatan beserta surat penyerapan



Untuk Maklumat Lanjut

Sub-Unit Open Vote dan Gaji Hari

Bahagian Keanggotaan dan Pentadbiran Latihan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri

Tel: +673 2382470 ext 161 / 467 / 430

Emel: info.psd@psd.gov.bn

TERIMA KASIH
